

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



BANK ISLAM SERAH ZAKAT BERJUMLAH RM270,000 DAN SEBUAH VAN SERBA GUNA DI NEGERI SABAH

KUALA LUMPUR, AHAD, [21 Jun 2020]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") menunaikan kewajipannya dengan membayar zakat perniagaan bagi tahun kewangan 2019 bernilai RM230,000 kepada Majlis Ugama Islam Sabah ("MUIS").

Di samping itu, Bank Islam turut menyumbangkan sebuah van serba guna bernilai RM168,000 kepada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia ("YADIM") Negeri Sabah untuk kemaslahatan ummah dan urusan-urusan dakwah.

Penyampaian replika kunci van sebagai simbolik penyerahan kenderaan tersebut disempurnakan oleh Ustaz Saiful Anuar Hambali, Ketua Bahagian Syariah Bank Islam kepada Tuan Haji Samin Haji Ongki, Pengarah YADIM Negeri Sabah sambil disaksikan oleh YB Tuan Haji Ahmad Marzuk Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di Bank Islam Cawangan Kota Kinabalu, Sabah petang semalam.

Prihatin dengan beban yang dihadapi oleh mahasiswa dalam keadaan semasa yang mencabar, Bank Islam turut menyalurkan sumbangan zakat berjumlah RM40,000 kepada Tabung Kebajikan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah ("UMS") sebagai bantuan kewangan pengajian kepada mahasiswa yang layak.

Ustaz Saiful Anuar Hambali berkata, "Bank Islam tidak pernah mengabaikan tuntutan agama dalam menunaikan kewajipan membayar zakat. Pada tahun 2019, zakat wakalah yang telah diagihkan oleh Bank Islam bagi menyantuni golongan asnaf di negeri Sabah berjumlah hampir RM950,000.

"Dana zakat tersebut telah dimanfaatkan melalui penyediaan pelbagai kemudahan dan penganjuran program-program bermanfaat kepada golongan sasaran termasuk pembinaan tujuh (7) buah rumah baharu dan membaik pulih empat (4) rumah di bawah Projek Bantuan Rumah Bank Islam bagi fakir miskin; penyediaan barangan kelengkapan sekolah kepada 120 orang pelajar kurang berkemampuan dari enam (6) buah sekolah terpilih menerusi program Jom ke Sekolah dan agihan fisabilillah kepada badan-badan

bukan kerajaan, surau serta sekolah. Wang zakat tersebut juga dimanfaatkan bagi penganjuran program kebajikan seperti Hari AMAL Bank Islam, seminar serta aktiviti-aktiviti berkaitan lain."

Beliau menambah, "Sebagai sebuah institusi perbankan Islam yang ulung, Bank Islam akan terus berkongsi rezeki yang diraih dan memainkan peranan dalam menyediakan kemudahan dan sokongan berkaitan demi kesejahteraan kepada masyarakat umum, khasnya kepada komuniti di mana Bank ini beroperasi."

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web www.bankislam.com.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
--	--